



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

Ketahui Amalan Yang Disunatkan Pada 10 Muharram

(Bahagian Akhir)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Didahului Dengan Puasa Tasu'a' (9 Muharram)

Bagi orang yang hendak berpuasa sunat pada hari 'Asyura' sunat mendahuluinya dengan berpuasa pada hari Tasu'a' iaitu pada 9 Muharram.

Hikmah di sebalik mendahuluinya dengan berpuasa pada hari Tasu'a' ialah:

- a. Sebagai langkah berhati-hati pada pengiraan awal bulan Muharram. Ini kerana ditakuti jika berlaku sedemikian, maka kemungkinan sahaja hari yang dikira sebagai Tasu'a' adalah sebetulnya hari 'Asyura'.
- b. Agar umat Islam tidak menyerupai orang Yahudi yang berpuasa pada hari 'Asyura' sahaja.
- c. Menyambung puasa hari 'Asyura' dengan satu hari puasa yang lain kerana tegahan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* berpuasa satu hari satu-satunya sahaja seperti berpuasa pada hari Jumaat. Walaupun begitu, tidaklah menjadi apa-apa jika hanya berpuasa sehari sahaja pada hari 'Asyura'

Meneruskan Puasa Hingga 11 Muharram

Apabila seseorang melaksanakan puasa hari 'Asyura', sunat juga menggandingkannya dengan berpuasa pada 11 Muharram, walaupun dia tidak melakukan puasa hari Tasu'a'. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: *"Puasalah kamu pada hari 'Asyura dan janganlah kamu menyerupai padanya dengan orang Yahudi. Puasalah kamu (dengan puasa 'Asyura) sehari sebelumnya atau sehari selepasnya."*

(Hadis riwayat al-Baihaqi)

Berdasarkan penjelasan di atas, terdapat beberapa cara melakukan puasa hari 'Asyura' iaitu:

- i. Berpuasa pada hari 'Asyura' sahaja.
- ii. Berpuasa pada hari Tasu'a' (9 Muharram) dan pada hari 'Asyura'.
- iii. Berpuasa pada hari 'Asyura' dan pada 11 Muharram.
- iv. Berpuasa pada hari Tasu'a' (9 Muharram) , hari 'Asyura' dan 11 Muharram. Gandingan berpuasa tiga hari ini (9,10,11 Muharram) adalah digemari sebagaimana yang disebutkan oleh Imam asy-Syafi'e *Rahimahullah*.

2. Menyenangkan hati kaum keluarga

Selain daripada melakukan puasa pada hari 'Asyura', orang Islam juga disunatkan menyenangkan dan menggembirakan hati kaum keluarga.

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu ‘anhu*, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: “*Barangsiapa yang melapangkan (menyenangkan) keluarganya pada hari ‘Asyura, Allah akan melapangkan rezekinya sepanjang tahun.*”

(Hadis riwayat al-Baihaqi)

Apa yang dimaksudkan dengan ‘melapangkan’ atau ‘menyenangkan’ di dalam hadis di atas adalah berbelanja pada makanan dan minuman lebih daripada hari biasa serta menggembirakan anak-anak contohnya dengan menghulur belanja lebih dan yang seumpamanya.

Selain daripada ahli keluarga, maksud menyenangkan di dalam hadis di atas termasuk juga kepada kaum kerabat, anak-anak yatim dan orang-orang miskin dengan syarat apa yang dilakukannya itu tidak membebankan dirinya.

Adapun apa yang selain daripada dua perkara di atas seperti sembahyang malam ‘Asyura’, mandi hari ‘Asyura’, bercelak mata dan yang lainnya tidaklah ada disebut melainkan pada hadis-hadis dhaif, munkar dan *maudhu’*.

Marilah kita bertekad untuk mengisi hari ‘Asyura’ yang datang sekali setahun di bulan Muharram ini dengan mengambil iktibar peristiwa yang berlaku pada tarikh tersebut dan melaksanakan apa yang dianjurkan oleh syara’. Berpuasa serta menyenangkan hati keluarga, kaum kerabat, anak-anak yatim dan orang-orang miskin pada hari ‘Asyura’ ini adalah amalan yang tidak boleh dilepaskan fadhilatnya begitu sahaja.